

**Phoon Yoke Keong @ Phoon Sup Loke v Golden Plus Builders Sdn Bhd/Golden Plus Holdings Berhad [2010] ILJU 119**

Industrial Law Journal Unreported (ILJU)

HIGH COURT (KUALA LUMPUR)

Amelia Tee Hong Geok Bte Abdullah

CASE NO 28(1)(4)/4-64/2006 124 Tahun 2010

28 January 2010

Lalitha Naganuthu (J. Azmi & Associates), Sharizal Hisham bin Dato' Abd Halim  
(*Krish Maniam & Co.*)

Rujukan:

Ini adalah satu rujukan yang dibuat di bawah Seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang timbul dari pembuangan kerja **Encik Phoon Yoke Keong @ Phoon Sup Loke** (Yang Menuntut) oleh **Golden Plus Builders Sdn Bhd/Golden Plus Holdings Berhad** (Responden) pada 30.6.2004. Kes ini telah dirujuk oleh Y.B. Menteri Sumber Manusia pada 24.8.2005 dan diterima di Mahkamah Perusahaan ini pada 3.1.2006.

AWARDLatar Belakang

[1]Kes ini telah dibicarakan di hadapan Yang DiPertua Mahkamah ini yang telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman pada 14.8.2009. Kes ini telah tamat dibicarakan pada 12.4.2007. Kedua-dua pihak telah memfailkan hujjahan masing-masing pada 6.9.2007. Kedua-dua pihak juga telah menzahirkan persetujuan mereka untuk award ini diturunkan oleh Pengerusi yang lain pada 6.11.2009.

[2]Pada 17.12.2009, kes ini telah disebut di hadapan saya setelah Yang DiPertua, Mahkamah Perusahaan mengarahkan supaya saya menurunkan award ini. Pihak Menuntut dan Responden telah mengemukakan perkara-perkara penting di dalam hujjahan mereka kepada saya pada 12.1.2010.

[3]Berdasarkan kepada senario di atas saya akan menurunkan award ini berdasarkan kepada nota keterangan yang dicatatkan oleh Yang DiPertua Mahkamah Perusahaan yang telah mengendalikan pendengaran kes ini. Disamping itu, saya juga akan dipandu arah oleh hujjahan kedua-dua pihak serta ekshibit-ekshibit yang dikemukakan dalam perbicaraan ini semasa menurunkan award ini. Saya perlu mengambil perhatian bahawa saya tidak

berpeluang bersua muka dengan saksi-saksi yang memberikan keterangan. Ini telah menyebabkan saya tidak berpeluang untuk melihat tingkahlaku mereka semasa memberi keterangan. Oleh sebab itu, saya perlu berhati-hati dalam meneliti keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi dalam kes ini dan perlu memberikan perhatian kepada catatan yang dibuat oleh Yang DiPertua Mahkamah ini yang mendengar kes ini berkaitan tingkahlaku saksi-saksi sekiranya ada.

#### Fakta Kes

[4] Pihak Menuntut telah dilantik sebagai Pengurus Besar (General Manager) di Syarikat Responden pada 1.10.1996 dengan gaji RM12,000.00 sebulan. Pihak Menuntut menurut surat perlantikan itu adalah bertanggungjawab kepada Pengarah Eksekutif atau mana-mana orang yang dilantik kakitangan pengurusan yang diarahkan oleh syarikat. Dalam kes ini, Pihak Menuntut bertanggungjawab kepada Encik Tan Kock Leong.

[5] Jika diteliti kepada surat perlantikan tersebut adalah didapati bidang tugas Pihak Menuntut ialah:

- i) Manage and be responsible for the development, implementation and control of plans, strategies and day-do-day operational activities (including meeting delivery targets) of the Company and related Group activities.
- ii) Develop new business and investment opportunities for the Company and other related activities.
- iii) Liaise with other company/division/department personnel on matters affecting the Company.
- iv) Perform any other duties and responsibilities that may be assigned by the Management from time to time.”

[6] Pada 7.4.2004, Syarikat pada Mesyuarat Lembaga Pengarah kali yang ke 85 telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan. Ia adalah bertujuan bagi menyiasat kepercincangan yang didapati berlaku dalam pengurusan syarikat yang melibatkan pengurusan kanan syarikat.

[7] Jawatankuasa yang ditubuhkan ini telah menjalankan siasatan dengan menyoal maklum atau menemuduga para pegawai syarikat.

[8] Temuduga ke atas Pihak Menuntut telah dilakukan oleh Jawatankuasa Siasatan tersebut. Pihak Menuntut telah ditemuduga oleh COW1, Penasihat Undang-Undang Syarikat dan Pengawal Kewangan Syarikat.

[9] Hasil daripada siasatan tersebut, jawatankuasa mendapati bahawa terdapat kepercincangan yang melibatkan Pihak Menuntut, iaitu:

- a. Melakukan kesalahan salah tadbir yang serius, salahlaku dan kegagalan yang disengajakan dalam menjalankan tugas.

- b. Pihak Menuntut merupakan pihak yang mengetahui mengenai pembayaran haram yang dilakukan, tetapi tidak bertindak.
- c. Pihak Menuntut telah menyalahgunakan kuasa dengan membeli harta syarikat iaitu sebuah rumah kedai dengan menggunakan nama seorang bumiputera bagi membolehkan pembelian kuota bumiputera. Ia telah menyebabkan kerugian kepada syarikat. Ia juga adalah satu perbuatan pecah amanah.

[10] Pihak Menuntut telah mengemukakan surat perletakan jawatan pada 8.4.2004, tetapi telah ditolak oleh Lembaga Pengarah Golden Plus Holding Berhad yang merupakan syarikat induk.

#### Isu-Isu

[11] Di dalam kes ini, isu utama yang perlu diputuskan oleh Mahkamah ialah samada pembuangan kerja Pihak Menuntut adalah beralasan wajar dan adil atau sebaliknya. Namun begitu, setelah meneliti nota keterangan dan hujjahan kedua pihak, terdapat isu-isu sampingan lain yang perlu diteliti oleh Mahkamah, iaitu:

- a. Samada ketiadaan siasatan dalaman yang dilakukan oleh Pihak Syarikat adalah sesuatu yang penting dalam mewajarkan pembuangan kerja Pihak Menuntut.
- b. Samada akuan berkanun yang dibuat adalah sesuatu yang boleh diterima oleh Mahkamah.
- c. Samada wujud penganiayaan di dalam keputusan syarikat membuang kerja Pihak Menuntut.
- d. Samada dapatan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyiasatan Syarikat mengenai dakwaan salahlaku Pihak Menuntut adalah sesuatu yang lambat menunjukkan syarikat telah memaafkan tindakan Pihak Menuntut.

Bagi menangani isu-isu tersebut adalah wajar untuk Mahkamah meneliti seara terperinci keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi dalam kes ini.

#### Keterangan Syarikat

[12] COW1 di dalam keterangan menyatakan bahawa Jawatankuasa Siasatan telah ditubuhkan bagi menyiasat kepincangan yang didapati berlaku dalam pengurusan syarikat. Penyiasatan tersebut dijalankan dengan cara mengadakan pertemuan dengan pegawai kanan syarikat. Pertemuan tersebut diadakan pada 16.4.2004 dan 21.4.2004. Namun demikian, tiada catatan bertulis dibuat mengenai dua pertemuan tersebut.

[13] COW1 nyatakan bahawa catatan pertemuan itu tidak perlu kerana Pihak Menuntut telah melakukan salahlaku yang serius. Hasil daripada siasatan tersebut, COW1 di dalam keterangan menyatakan Jawatankuasa Penyiasatan telah mendapati seperti yang dinyatakan di perenggan 9 di atas.

[14] Seorang lagi Jawatankuasa Penyiasatan ialah COW7 iaitu Pengerusi Jawatankuasa

Siasatan. COW7 mengesahkan bahawa Jawatankuasa itu dianggotai oleh Mr Sivagunathan (COW1), Encik Peter Loh dan Encik Chua Kok Chuan. COW7 nyatakan tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

“It was set up to investigate certain discrepancies discovered in the company’s subsidiaries, namely Golden Plus Builders and Sri Serdang Sdn Bhd.”

[15]COW7 mengesahkan bahawa semasa siasatan tersebut dijalankan, beberapa orang saksi telah dipanggil. Hasil daripada penyiasatan tersebut, COW7 nyatakan dalam kenyataan saksinya seperti berikut:

“Q: What can be concluded by the committee based on the finding of the investigation?”

A: The claimant has committed various breaches whilst carrying out their duties.”

COW7 nyatakan penyiasatan tersebut mengambil masa 4-6 bulan. Butiran salahlaku yang dilakukan oleh Pihak Menuntut adalah seperti dinyatakan di perenggan 9 di atas. Selain daripada itu, COW7 menyatakan bahawa surat tunjuk sebab tidak dikeluarkan terhadap Pihak Menuntut kerana Pihak Menuntut mengakui di dalam akuan bersumpah mengenai salahlakunya.

[16]COW7 juga menyatakan Pihak Syarikat tidak dapat menerima surat perletakan jawatan Pihak Menuntut kerana ketika itu siasatan sedang dijalankan dan Pihak Menuntut difikirkan dapat membantu siasatan tersebut.

[17]Selain daripada itu, COW2 adalah individu yang memberikan kenyataan bersumpah di halaman 55 - 57 COB2. Kenyataan bersumpah ini lebih menjurus kepada tindakan yang dilakukan oleh Pengarah Eksekutif, Tan Kok Leong. Tiada sebarang deposisi yang berkaitan dengan Pihak Menuntut.

[18]COW3 pula adalah individu yang menyediakan akuan bersumpah di halaman 58 - 60, COB2. Di dalam akuan bersumpah ini, ia menjuruskan kepada pembayaran yang perlu dibuat untuk mendapatkan projek. Para 18 hingga 23 adalah berkaitan. Apa yang menarik di para 26 - 28 di mana COW3 menyatakan:

“26. The monies was paid to me because I advanced the monies to some officers for MPOB Job as an advance.

27. The arrangement was between Koh Kee Buan, Madam Lee, Phoon Yoke Keong, KLT and myself.

28. KLT agreed to pay RM300,000.00 but did not say if the Board approved it or not. I took a portion of RM300,000.00 for my self.”

Semasa perbincangan, COW3 menyatakan bahawa beliau tandatangani akuan bersumpah itu secara sukarela walaupun hanya memahami separuh daripada kandungan akuan bersumpah tersebut.

[19]COW4 adalah individu yang membuat akuan bersumpah di halaman 65 - 68, COB2. Isi kandungan yang penting dalam akuan bersumpah itu ialah para 8 yang menyatakan:

“Phoon usually does not dare make decisions so I deal directly with KLT.

Disamping itu, para 36 pula COW4 nyatakan:

“KLT also directed me to pay some bribes to MPOB staff, which I did. As I said KLT directed this as he gives all directions.”

Semasa pemeriksaan balas, COW4 ada menyatakan:

“Yes I agree everything - ie award A tenders payment to subcontractor, payment to suppliers - payment to authorities. Tan Kock Leong makes the final decision. Refer to page 67 - item 26:

KLT is the decision maker and Phoon has no say. The decision must be done through KLT. Everything only mores need KLT approval.”

Seterusnya semasa pemeriksaan semula COW4 nyatakan:

“Once a decision is make by KLT, the claimant will be instructed to carry out the decision. The claimant does not take part on the decision making.”

**[20]**COW5 adalah individu yang membuat akuan bersumpah di halaman 69 - 70 di COB2. Intisari akuan bersumpah COW5 lebih kepada tindakan beliau mengeluarkan cek RM85,000.00 dan RM115,000.00 atas arahan K.L.Tan dan menunaikan cek RM50,000.00 yang diberikan kepada Alex Tan atas arahan K.L.Tan.

**[21]**COW6 adalah individu yang dikatakan membuat akuan bersumpah di halaman 71 - 73 di COB2. Semasa pemeriksaan balas tidak menandatangani akuan bersumpah itu secara sukarela. Semasa pemeriksaan balas, COW6 nyatakan beliau tidak dibawa ke hadapan Pesuruhjaya Sumpah untuk menandatangani akuan bersumpah tersebut.

**[22]**Pihak Syarikat juga mengemukakan minit inkuri Jawatankuasa Siasatan pada 16.4.2004 dan 21.4.2004 di halaman 46 - 53 di COB2.

**Keterangan Pihak Yang Menuntut**

**[23]**Pihak Menuntut menyatakan bahawa gajinya dibayar oleh Pihak Responden Pertama dan Kedua. Syarikat pertama membayar RM5,000.00 dan syarikat kedua RM8,860.00. Pihak Menuntut mengesahkan bahawa beliau adalah bertanggungjawab kepada Tan Kock Liong pada setiap masa.

**[24]**Pihak Menuntut nyatakan dalam keterangannya bahawa pada 12.4.2004 seorang Peter Loh telah meminta beliau meletakkan jawatan. Pihak Menuntut nyatakan:

“On 12.4.2004, when Peter Loh demanded my immediate resignation, he did give me an option. He said that if I did not resign immediately I would be suspended and investigated. But if I resign immediately I would not be implicated in the investigation.”

**[25]**Berkenaan dengan sesi siasatan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Siasatan ke atas beliau, Pihak Menuntut menyatakan bahawa beliau telah membuat bantahan terhadap

penggunaan akuan bersumpah dalam siasatan tersebut, tetapi telah ditolak oleh Panel Siasatan. Pihak Menuntut telah memperihalkan kedua-dua siasatan tersebut seperti berikut:

“During the 2 discussion, I was under pressure. Because the discussion was being done in a harsh way by lawyers.”

[26]Berkaitan dengan tindakan yang dikatakan telah dilakukan oleh Pihak Menuntut yang dijadikan alasan pembuangan kerja beliau, Pihak Menuntut telah menafikan penglibatannya. Sebaliknya, Pihak Menuntut menyatakan bahawa semua tindakan tersebut dilakukan oleh Pengarah Eksekutif, Tan Kok Liong. Pihak Menuntut tidak mempunyai kuasa untuk melakukan perkara-perkara tersebut.

[27]Ini dapat dilihat misalnya dalam isu berkaitan wang RM42,000.00 yang telah dibayar kepada Kok Bee Kuan. Pihak Menuntut menyatakan:

“The RM42,000.00 was paid to Koh Bee Kuan for him to take and pay to Encik Amir (full name I don’ know). It is Tan Kok Liong who approved the pay of RM42,000.00.”

Begitu juga dengan wang RM115,000.00, kelulusan pembayarannya menurut Pihak Menuntut adalah dibuat oleh Tan Kok Liong.

[28]Sementara itu, mengenai pembelian harta yang merupakan rizab bumiputera, Pihak Menuntut menyatakan ia ditawarkan oleh Tan Kok Liong. Pihak Menuntut hanya membuat permohonan atas arahan Tan Kok Liong.

Selanjutnya Pihak Menuntut menyatakan bahawa wang RM42,000.00 adalah bayaran untuk penyediaan tuntutan palsu oleh Encik Amir. Pihak Menuntut mengakui bahawa tindakan pembayaran tersebut adalah salah.

[29]Semasa pemeriksaan balas, Pihak Menuntut tidak bersetuju bahawa beliau berdiam diri walaupun mengetahui bahawa amalan rasuah berlaku dalam syarikat bagi mendapatkan projek MPOB dengan membayar RM300,000.00.

Apa yang menarik di dalam keterangan Pihak Menuntut ialah mengenai bayaran yang dibuat kepada MPOB sebagai ang pow pekerja tidak diketahui oleh beliau sebagai suatu kesalahan serius.

Q: “Please explain what is means by Hari Raya Ang Pow to MPOB staff.

A: During Hari Raya time Albert Loh, the Site Manager for the MPOB Projected wanted to some as ang pow to these people. He request the co. to send them ang pow.

Q: Do you know that giving them hari raya ang pow to officers of members of statutory body is a serious offence.

A: No.”

[30]Pihak Menuntut juga tidak mengetahui bahawa dengan membeli lot bumiputera telah menyebabkan syarikat mengalami kerugian. Ini adalah kerana ia diminta oleh Tan Kok Liong.

Dalam ertikata lain, segala pembayaran yang tidak mengikut peraturan, bayaran ang pow kepada kakitangan MPOB, pembelian lot bumiputera adalah semuanya di bawah arahan Tan Kok Liong. Pihak Menuntut tidak boleh berbuat apa-apa mengenai perkara tersebut. Pihak Menuntut hanya mengikut arahan sahaja.

### Undang-Undang Dan Penilaian Keterangan

[31]Adalah menjadi prinsip undang-undang termaklum mengenai tanggungjawab Mahkamah ini apabila kes dirujuk kepadanya di bawah Seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 seperti yang dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Goon Kwee Phoy v. J & D Coats (M) Bhd* (1981) 1 LNS 30 dan *Milan Auto Sdn Bhd v. Wong Seh Yen* (1995) 4 CLJ 449.

[32]Di dalam kes ini adalah didapati bahawa tiada siasatan dalaman yang dijalankan sebelum Pihak Menuntut dibuang kerja. Isu ini sebenarnya telah dinyatakan dengan terang dan nyata di dalam kes *Milan Auto Sdn Bhd v. Wong Seh Yen* (1995) 4 CLJ 449 di halaman 445 di mana Hakim Mohd Azmi Kamaruddin, Hakim Mahkamah Persekutuan menyatakan:

“For the reasons given in *Hong Leong Assurance*, we were of the view that the initial defect in natural justice in not holding a statutory or contractual domestic inquiry was ‘curable’ by the inquiry held by the Industrial Court itself on the principle laid down in *Workmen of the Motipur Factory Private Ltd v. The Motipur Sugar Factory Private Ltd* AIR [1965] SC 1803; *Calvin v Carr & Others* [1979] 2 AER and *Dreamland Corporation (M) Sdn Bhd v. Choong Chin Sooi & Anor* [1988] 1 MLJ 111.”

Ini disahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Wong Yuen Hock v. Syarikat Hong Leong Assurance Sdn Bhd & Another Appeal* (1995) 2 CLJ 344 di halaman 354:

“In our opinion Dreamland did not belittle the importance of complying with any statutory or contractual inquiry before dismissal in all master and servant cases outside the purview of the Industrial Relations Act. What Dreamland, following the curable principle in *Motipur* and *Calvin* laid down was that failure on the part of the employer to hold a proper domestic inquiry should not deprive the Industrial Court of jurisdiction, nor excuse t from the obligation to hear the reference on its merits. We therefore could not find any reason to reject the two authorities. In any event, we held the view that once a case of wrongful dismissal had been properly referred by the Minister under s. 20(3), the Industrial Court was seised with jurisdiction and was obliged under the Act to determine the dispute on its merits. Thus, even where there was a breach of contractual or statutory obligation to hold an inquiry, the Industrial Court should proceed to determine on the merits firstly, whether the misconduct complained of was in fact committed by the employee, and secondly whether the nature and extent of the misconduct could constitute just cause or excuse for the dismissal.”

Di dalam *Dreamland Corp (M) Sdn Bhd v. Choong Chin Sooi v. Industrial Court of Malaysia* (1988) 1 CLJ (Rep) 39 di halaman 44 dinyatakan:

“The short answer to Mr Lobo’s argument is that the right to a hearing or as it is sometimes called the observance of procedural safeguards are only applicable in respect of a hearing before an administrative tribunal and similar quasi judicial tribunals performing judicial functions but do not apply to simple master-servant proceedings, such as the present one.”

Disamping itu, Mahkamah juga tidak mengkesampingkan keputusan Mahkamah Agung berkenaan isu ini di dalam kes *Said Darmalingam Abdullah v. Malayan Breveries*

(*Malaya Sdn Bhd* (1997) 1 CLJ 646 di halaman 660 oleh Y.A. Hakim Edgar Joseph Jr menyatakan:

“Having said that, we add, that when, as here, a claimant is an employee within the meaning of the Act, he has by s. 14(1) thereof, a statutory right to ‘due enquiry’ by his employer, and so, the approach of the Industrial Court or for that matter the High Court, in considering the question whether the claimant had been dismissed without just cause or excuse, would be, to examine the decision not just for substance but for process as well.”

[33]Jika diteliti kepada keempat-empat kes tersebut dapat dilihat bahawa terdapat dua pandangan Mahkamah berkenaan isu samada kegagalan Pihak Majikan mengadakan siasatan dalaman adalah sesuatu yang penting atau sebaliknya. Satu pandangan menyatakan ketiadaan siasatan dalaman tidak akan mencatitkan pembuangan kerja pekerja. Ini adalah kerana ia dapat diperbetulkan oleh Mahkamah Perusahaan semasa mendengar kes. Sebaliknya, ada pandangan yang menyatakan bahawa ia adalah sesuatu yang asasi dan ketiadaan siasatan dalaman boleh menjejaskan pembuangan kerja pekerja kerana ia melanggar prinsip keadilan asasi.

[34]Para sarjana tempatan undang-undang perhubungan perusahaan telah menyedari dua sudut pandangan ini. Mereka telah membuat pemerhatian seperti yang dinyatakan oleh Prof V. Avantaraman di dalam artikelnya ‘The Enigmatic Law of Unfair Dismissals in Malaysia Industrial Relations in *Malaysia Industrial Relations* (1999) 2 MLJ ciii. Beliau menyatakan di halaman cxvii:

“The attitude of our Federal Court in supporting the curable principle in *Hong Leong Assurance’s* case in 1995 is regrettable especially when the Industrial Court made particular reference to *Polkey’s* case in the same case in 1990. With the curable principle discredited, it is propitious for our reviewing court to depart from the precedent set by the Federal Court in *Hong Leong Assurance* and restore the requirement of pre-dismissal inquiry by the employer before dismissing the workman.”

Pandangan ini dikongsi oleh Dr Anamarul Yaqin di dalam artikelnya bertajuk ‘Procedural Fairness in Dismissal for Misconduct - Some Reflections on *Judicial Trends in Malaysia* (1999) 2 MLJ CX 1’.

Ia disimpulkan oleh Dr Kamal Halili Hassan di dalam Syarahan Perdana Jawatan Professor pada 25.4.2008 bertajuk “Cabaran Perundangan dalam Hubungan Majikan-Pekerja” di halaman 36 seperti berikut:

“Pertentangan prinsip tersebut menyebabkan Mahkamah Perusahaan, sebuah tribunal yang kerap mendengar kes pemecatan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan, juga berbelah bagi dalam membuat keputusan sama ada menyokong prinsip ‘boleh dipulih’ tersebut atau tidak (Anantaraman 1996; Cheah 1996). Namun didapati bahawa kebanyakan kes yang dibicarakan di Mahkamah Perusahaan lebih banyak mengikut prinsip ‘boleh dipulih’ seperti yang diputuskan oleh Dreamland, Wong Yuen Hock dan Milan Auto. (Kamal 2001a: i) Justeru, kita boleh menghujah bahawa, jika jumlah kes dijadikan ukuran, prinsip ‘boleh dipulih’ adalah pendirian terkini kehakiman dalam persoalan hak pekerja semasa prapemecatan.”

[35]Dalam kes ini, Mahkamah terikat dengan keputusan Mahkamah Persekutuan berdasarkan kepada prinsip duluan kehakiman. Prinsip duluan kehakiman mengikat Mahkamah bawahan seperti yang dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes



*Dato' Tan Hing Chew v. Tan Kim Hor & Another Appeal* (2006) 1 CLJ 577 di halaman 583 dimana YAA Hakim Steve Shim menyatakan:

“It is axiomatic to state the doctrine of stare decisis has become the corner stone of the common law system practised in this country. It is fundamental to its existence and to rule law. It has attained the status of immutability.”

Dalam nada yang sama di halaman 588 kes yang sama, Y.A Hakim Abdul Hamid Mohamad menyatakan:

“These judgments, being judgments of the Federal Court, are binding on the Court of Appeal. Whether the Court of appeal agrees with them or not, it is incumbent upon it to apply the test. However, if the court thinks that it has good reasons for disagreeing with the judgments, it may, while following them, point out why they should be reviewed by this court, But the review, if it were to be done, should be done by this court. Until it is actually done by this court, they remain binding on the Court of Appeal.”

Berdasarkan prinsip di atas, Mahkamah berkewajipan untuk mengikuti keputusan Mahkamah Persekutuan dalam isu-isu lebih cenderung untuk menerima pandangan yang menyatakan bahawa ketiadaan siasatan dalaman tidak menjejaskan pembuangan kerja Pihak Menuntut. Oleh itu, Mahkamah perlu meneliti keterangan di dalam kes ini kerana Pihak Syarikat mempunyai peluang untuk mengemukakan keterangan di Mahkamah Perusahaan ini bagi menunjukkan bahawa pembuangan kerja adalah atas sebab atau alasan yang munasabah. Oleh itu, di dalam kes ini Mahkamah akan meneliti keterangan yang dikemukakan di dalam perbicaraan tanpa mengambikira ketiadaan siasatan dalaman boleh menjejaskan pembuangan kerja Pihak Menuntut. Dalam ertikata lain, pembetulan ketiadaan siasatan dalaman akan dibuat di Mahkamah ini.

#### Keterangan Akuan Bersumpah

[36]Jika diteliti keterangan yang dikemukakan, adalah didapati bahawa terdapat akuan berkanun yang dibuat oleh COW2, COW3, COW4, COW5 dan COW6. Adalah didapati bahawa Jawatankuasa Siasatan itu telah merujuk kepada kenyataan bersumpah tersebut. Peguambela Pihak Menuntut berhujjah bahawa terdapat keraguan di dalam akuan bersumpah dan tidak sewajarnya diambilkira oleh Mahkamah ini.

[37]Sebaliknya, Peguambela Pihak Syarikat berhujjah bahawa akuan bersumpah tersebut adalah sepatut dianggap telah dilakukan dengan teratur oleh Mahkamah seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 114(e), Akta Keterangan 1950. Akuan bersumpah dibuat di bawah Akta Akuan Bersumpah 1960 yang memperihal tatacara akuan bersumpah itu perlu dibuat. Disamping itu, dinyatakan kesan jika akuan sumpah tersebut adalah palsu dakwaan boleh dilakukan, Seksyen 199 dan 200 Kanun Keseksaan. Ini dinyatakan di bawah Seksyen 3, Akta Akuan Berkanun 1960. Jika dilihat kepada keterangan di dalam kes, tiada sebarang pengaduan dibuat kepada Pihak Polis yang menyatakan bahawa akuan bersumpah tersebut adalah palsu. Ini bermakna tiada keterangan yang menunjukkan kenapa keterangan dalam akuan tersebut perlu ditolak. Senario ini telah dinyatakan oleh Nor Bee Ariffin, Pesuruhjaya Kehakiman di dalam kes *Krishnan Singh Inder Singh v.*

*Muniandy Manikkam & Anor* (2009) 1 LNS 1108 di mana Y.A, Pesuruhjaya Kehakiman menyatakan:

“The Defendants challenged the statutory declaration but only by making bare and unsubstantiated allegations. The Defendants did not produce any evidence to show why the statutory declaration must be rejected or its contents to be disbelieved. Neither was any police report lodged to allege that Anthony had made false declaration which is a criminal offence punishable under the Penal Code (section 3 of the Statutory Declaration Act 1960) in the like manner a police report was lodged by them claiming wrongdoings against Ranjit Singh. There was no independent evidence adduced to show that Anthony had conspired or colluded with the Plaintiff and Ranjit Singh to defraud them in any manner whatsoever or for whatever purpose. Under such circumstances, it is inevitable that I must construe Anthony’s statutory declaration adversely against the Defendants and state my stand that the statutory declaration render firm support to the Plaintiff’s contention that the Defendants thoroughly understood the contents of the document they were signing and the legal effect created by the said document.”

[38]Ini bermakna tiada sebab untuk Mahkamah menolak penerimaan keterangan akuan bersumpah di dalam kes ini. Namun demikian, dalam kes ini COW2, COW3, COW4, COW5 dan COW6 telah dipanggil untuk memberikan keterangan mereka. COW5 menyatakan bahawa beliau tidak menandatangani di hadapan Pesuruhjaya Sumpah. Pihak Menuntut berhujjah bahawa kegagalan Pihak Syarikat memanggil Pesuruhjaya Sumpah dalam kes ini menunjukkan bahawa akuan bersumpah dibuat tanpa menurut peraturan. Peguambela Pihak Syarikat berhujjah bahawa dalam kes ini anggapan di bawah Seksyen 114(e), Akta Keterangan 1950 perlu dipakai.

[39]Seksyen 114(e) memperuntukan:

“114. Mahkamah boleh menganggap kewujudan apa-apa fakta yang difikirkannya mungkin telah berlaku, setelah mengambil perhatian akan perjalanan biasa kejadian semula jadi, kelakuan manusia, dan urusan awam dan persendirian, dalam hubungannya dengan fakta kes yang tertentu itu.

...

(e) bahawa tindakan kehakiman dan tindakan rasmi telah dilaksanakan mengikut aturan.”

Seksyen 114(e), Akta Keterangan 1950 ini adalah sebenarnya berasaskan kepada maksim undang-undang ‘*Omnia Praesumuntur vite esse acts*’ yang membawa maksud semua tindakan kehakiman dan rasmi adalah dianggap dilakukan dengan teratur. Bagi memahami maksim ini dan pemakaiannya, wajar kiranya takrifan di dalam Words and Phrases Legally Defined Fourth Edition Volume 2 dirujuk apabila dinyatakan.

“ ‘It is a maxim of the law of England to give effect to everything which appears to have been established for a considerable course of time, and to presume that what has been done was done of right, and not in wrong.’ *Gibson v Doeg* (1857) 2 H & N 615 at 623, per Pollock CB

‘The maxim, *Omnia presumuntur rite esse acta*, is an expression, in a short form, of a reasonable probability, and of the propriety in point of law of acting on such probability. The maxim expresses an inference which may reasonably be drawn when an intention to do some formal act is established; when the evidence some formal act is established; when the evidence is consistent with that intention having been carried into effect in a proper way; but when the actual observance of all due formalities can only be inferred as a matter of probability. The maxim is not wanted where such observance is proved, nor has it any place where such observance is disproved. The maxim only comes into operation where there is no proof one way or the other; but where it is more probable that what was intended to be done was done as it ought to have been done to render it valid; rather than that it was done in some other manner which would defeat the intention proved to exist, and would render what is proved to have been done of no effect.’ *Harris v Knight* (1890) 15 PD 170 at

179, per Lindley LJ.”

Dalam ertikata lain, maksim ini terpakai sekiranya tidak terdapat keterangan yang menunjukkan sesuatu prosedur dipatuhi atau sebaliknya, pemakaiannya di Mahkamah dapat dilihat dalam kes *Lim Bua v. Ng Kian Heng* (1993) 2 CLJ 461.

[40]Y.A. Augustine Paul di dalam kes *Mohd Nazir bin Badar Shair v. Timbalan Menteri Dalam Negeri* (2000) 2 MLJ 559, mengesahkan pemakaian maksim ini kepada affidavit. Y.A. Hakim Augustine Paul memutuskan antara lain di halaman 565:

“Be that as it may, the affirmation and filing of an affidavit are official act which attract S.114(e) of the evidence Act which provides that the court may presume that judicial and official acts have been regularly performed.”

Y.A Hakim menyatakan di halaman 566 seperti berikut:

“The signature of a commissioner for oaths in an affidavit showing that it has been sworn before him is an official act and the affidavit must be presumed to have been regularly affirmed even though the jurat is on a completely new page unless the contrary is proved.”

[41]Berdasarkan kepada prinsip-prinsip undang-undang di atas, Mahkamah berpendapat akuan bersumpah tersebut telah dideposkan secara teratur. Ketiadaan Pesuruhjaya Sumpah di Mahkamah tidak menyebabkan dokumen akuan berkanun itu tidak boleh diterima oleh Mahkamah. Ini ditambah pula saksi-saksi tersebut telah dikemukakan sebagai saksi di dalam kes ini untuk pemeriksaan balas oleh Pihak Menuntut.

[42]Namun demikian, jika diteliti kepada akuan berkanun tersebut ia tidaklah menyatakan bahawa Pihak Menuntut yang mengarahkan atau membuat keputusan agar bayaran-bayaran yang tidak sepatutnya dilakukan oleh saksi-saksi tersebut. Penglibatan Pihak Menuntut hanyalah sekadar mempunyai pengetahuan bahawa bayaran-bayaran tersebut telah dibuat.

Adakah Tindakan Pihak Menuntut Adalah Salahlaku

[43]Jika diteliti keterangan Pihak Menuntut adalah didapati bahawa segala tindakan yang dijadikan asas kepada pembuangan kerja beliau adalah di luar kawalan beliau. Ini adalah kerana beliau mengikut arahan Tan Kok Liong.

[44]Di dalam kes ini, jawatan Pihak Menuntut adalah sebagai seorang Eksekutif di Syarikat Responden. Adalah sukar untuk menerima bahawa beliau tidak tahu bahawa pemberian sumbangan ang pow kepada kakitangan pihak berkuasa adalah salah di sisi undang-undang. Setelah Pihak Menuntut mengetahui berkenaan pemberian wang tersebut, beliau tidak memaklumkan kepada Pihak Berkuasa. Adakah tindakan sedemikian oleh Pihak Menuntut tidak tergolong ke dalam salahlaku?

[45]Di dalam hujahnya, Pihak Menuntut menyatakan bahawa beliau pada mulanya bukan menjadi sasaran siasatan Jawatankuasa Penyiasat. Apabila siasatan dijalankan, barulah

tindakan Pihak Menuntut telah dikatakan sebagai salahlaku. Tindakan syarikat mengambil tindakan lewat adalah merupakan pemaafan (condonation) terhadap salahlaku Pihak Menuntut. Pihak Syarikat dalam hujahnya menyatakan bahawa Pihak Syarikat lewat mengambil tindakan kerana hanya mengetahui mengenai salahlaku tersebut setelah dapatan daripada Jawatankuasa Siasatan.

[46]Secara ringkas pemaafan adalah merujuk kepada tindakan majikan memaafkan atau menggunakan haknya untuk menjatuhkan hukuman terhadap salahlaku yang berlaku atau pemasalahan tanggungjawab yang dilakukan oleh pekerja melainkan pekerja tersebut mengulanginya lagi. Bagi membolehkan majikan memberikan pemaafan, beliau mesti menangani pengetahuan semua mengenai salahlaku yang dilakukan oleh pekerjanya. Majikan tidak boleh memberikan kemaafan sekiranya beliau tidak mengetahui mengenai kesalahan tersebut (lihat E. Garth Moore' *Military Law - Condonation - Court Martial - Power to Dissolve - Common Law of the Army*, Cambridge Law Journal (1954) 30 di halaman 31) yang dipetik oleh Dr Abdul Majid dalam artikelnya dengan judul "Condonation as Waiver of *The employer's Rights to Punish Misconduct* (1996) 2 MLJ xvii di halaman xxii.

[47]Di dalam kes ini, Mahkamah berpendapat isu pemaafan tidak timbul. Ini adalah kerana Pihak Syarikat tidak mempunyai pengetahuan mengenai salahlaku yang berkenaan sebelum siasatan dijalankan oleh Jawatankuasa Siasatan.

[48]Di dalam hujjahannya Pihak Menuntut di perenggan 73 telah menyatakan bahawa beliau adalah mangsa kepada amalan perburuhan yang tidak adil. Beliau telah menyatakan dengan dakwaan beliau tersebut. Disamping itu, Pihak Menuntut menyatakan bahawa keputusan Jawsatankuasa siasatan itu adalah bercanggah dengan prinsip keadilan asasi.

[49]Di dalam kes ini, Mahkamah berpendapat Jawatankuasa Siasatan telah mengadakan sesi perbincangan dan memberi peluang kepada Pihak Menuntut untuk memberikan penjelasan kepada mereka. Walaupun siasatan dalaman tidak dilakukan ia tidak menimbulkan sebarang penganiayaan kepada Pihak Menuntut. Tiada keterangan yang menunjukkan sebarang tindakan Pihak Syarikat yang boleh digolongkan sebagai penganiayaan. Mhakamah memberi perhatian kepada fakta bahawa Tan Kok Leong yang dikatakan menjadi perancang dan pihak yang mengarahkan salahlaku tersebut tidak diambil tindakan. Namun fakta menunjukkan bahawa bleiau telah meletakkan jawatan sebelum dapatan Jawatankuasa Siasatan.

[50]Pada masa yang sama, Mahkamah juga mengambil perhatian kepada keterangan yang menunjukkan bahawa Pihak Syarikat telah menolak permohonan Pihak Menuntut untuk meletakkan jawatan. Ia seolah-olah menunjukkan bahawa Pihak Menuntut ingin dijadikan "kambing hitam" kepada salahlaku yang telah berlaku. Walau bagaimanapun tiada keterangan yang dapat menyokong pandangan ini. Ia adalah kerana COW1 menyatakan bahawa permohonan perletakan jawatan itu ditolak kerana syarikat memerlukan bantuan Pihak Menuntut untuk melengkapkan tugas Jawatankuasa Siasatan. Cuma, setelah siasatan

dijalankan, Pihak Jawatankuasa Siasatan telah terhidu penglibatan Pihak Menuntut di dalam salahlaku tersebut. Oleh sebab itu, penolakan permohonan perletakan jawatan itu tidak boleh dikatakan dibuat dengan tujuan untuk menganiayai Pihak Menuntut.

#### Penilaian Keterangan Secara Umum dan Dapatan

[51]Secara keseluruhannya, Mahkamah mendapati bahawa tindakan Pihak Menuntut yang merupakan pegawai kanan syarikat tidak melaporkan tindakan sumbangan ang pow kepada MPOB adalah sesuatu yang sukar diterima oleh seorang majiksn yang munasabah. Ia telah menjejaskan reputasi syarikat. Dalam konteks Mahkamah perlu menggunakan ujian kemunasabahan tindakan Pihak Majikan membuang kerja bagi kes salahlaku seperti yang dinyatakan dalam kes *British Home Stores Ltd v Burcher* (1980) ICR 303 yang diterimapakai dalam kes *Blue Apparels (M) Sdn Bhd v Vickneswaran Pamanathan* (1997) 3 ILR 803.

[53]Selain daripada tindakan Pihak Menuntut membeli harta tanah syarikat yang merupakan kuota yang ditetapkan untuk bumiputera telah merugikan syarikat. Walaupun Pihak Menuntut menyatakan ia dilakukan atas kebenaran atau permintaan, namun sebagai seorang pekerja, beliau sepatutnya tidak terlibat dalam tindakan yang merugikan syarikat. Mahkamah berpendapat berdasarkan tingkahlaku selama ini, ia telah memaparkan tatacara kerja Pihak Menuntut dalam mengendalikan syarikat tanpa memikirkan kepentingan syarikat. Ia sudah tentu menyebabkan syarikat setelah mengetahui salahlaku merasa dikhianati oleh Pihak Menuntut yang selama ini diberikan kepercayaan untuk mengendalikan syarikat.

[54]Mahkamah berpendapat berdasarkan kepada senario di atas sebagai seorang majikan yang munasabah, Pihak Responden Syarikat tidak akan diharapkan mengekalkan Pihak Menuntut di syarikat. Ini bermakna pekerja seperti ini mungkin akan dibuang kerja oleh Pihak Syarikat.

[55]Selain daripada berdasarkan kepada prinsip ekuiti dan perasaan hati yang baik, seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 30(5), Akta Perhubungan Perusahaan 1967, Mahkamah berpendapat Pihak Syarikat berhak untuk tidak mengizinkan pekerja yang tidak amanah atau menyalahgunakan kedudukannya untuk kepentingan peribadi dengan membelakangkan kepentingan syarikat. Ini sudah pasti bercanggah dengan prinsip urus tadbir syarikat yang berintegriti, telus dan beretika. Oleh itu, Mahkamah berpendapat adalah tidak wajar untuk Mahkamah ini mengganggu keputusan syarikat membuang kerja Pihak Menuntut.

[56]Mahkamah mendapati pembuangan kerja Pihak Menuntut adalah beralasan adil dan bersebab (with just cause or excuse).